

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 05/11/2018  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 17  
Tajuk : ANGKASA raikan 33 pesakit kanser HWKKL

## Angkasa raikan 33 pesakit kanser HWKKL

*KOSMO 5/11/2018 ms 17*  
KUALA LUMPUR - Kira-kira 33 pesakit kanak-kanak di Wad Kanser Kanak-kanak Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur (HWKKL) diraikan oleh sukarelawan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) di sini semalam.

Naib Presiden Angkasa, Mohamad Azmi Omaruddin berkata, program tersebut yang julung-julung kali diadakan bertujuan merapatkan hubungan antara Angkasa dengan masyarakat.

“Melalui program ini sukarelawan dapat melihat sendiri peranan hospital untuk membantu pesakit dalam memastikan kanak-kanak tersebut meneruskan kehidupan mereka.

“Selain menyampaikan sumbangan, program ini dapat memberikan semangat kepada ibu bapa yang menemani anak-anak mereka di hospital ini,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Mu-

malat Malaysia Berhad (Koputra), Zaharuddin Alias; Penolong Pengarah HWKKL, Dr. Thinakaran M Selvarajah dan Pakar Kanak-Kanak HWKKL, Dr. Teh Kok Hoi.

Selain menerima hadiah, kanak-kanak di wad itu turut dihiburkan dengan persembahan Doktor Badut.

Sementara itu, Thinakaran memberitahu, pihaknya amat berbesar hati dengan kunjungan sukarelawan Angkasa melawat pesakit kanak-kanak di wad berkenan.



MOHAMAD AZMI (tengah) bersalaman dengan penghuni wad, Firas Hamim Mohd. Firdaus ketika melakukan lawatan ke HWKKL semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA